

UUM ONLINE: Sebagai sebahagian umat Islam yang taat dengan ajaran agama, anggota Unit Keselamatan Universiti Utara Malaysia (UUM) tidak ketinggalan menunaikan Rukun Islam ketiga iaitu membayar zakat fitrah sebelum menyambut Aidilfitri.

Mereka menunaikan tanggungjawab itu dengan membayar zakat kepada amil yang dilantik oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah membabitkan beberapa kakitangan Pusat Islam UUM.

Menurut Ustaz Mohd Zubir Mohd Yusof, 27, beliau merupakan salah seorang daripada tujuh amil yang mendapat tauliah daripada Jabatan Zakat Negeri kedah untuk membuat kutipan zakat di kawasan kampus ini.

Selain itu, katanya, pihak universiti melalui Pusat Islam telah menyediakan kaunter pembayaran zakat di lebih 10 lokasi di kawasan kampus seperti Varsity Mall, ruang legar Jabatan Canselori, Dewan-dewan penginapan dan kolej-kolej.

"Penyediaan kaunter bergerak ini membolehkan kakitangan terutama mereka yang sedang bertugas, di sini menunaikan tanggungjawab mereka sebelum hari raya," ujamya ketika ditemui di Unit Keselamatan UUM.

Sementara itu, salah seorang pengawal keselamatan, Md Rashid Shaari, 56, berkata, penyediaan kaunter bergerak ini memudahkan mereka yang bertugas menunaikan tanggungjawab dan menjimatkan masa.

"Saya berterima kasih kepada pihak UUM terutama Pusat Islam kerana menyediakan kemudahan seperti ini kepada semua warga kampus," katanya.

Manakala, rakannya, Mohd Azuwan Yusof, 23, yang pertama kali membayar zakat dengan hasil pendapatan sendiri melahirkan rasa gembira kerana dapat menjalankan tanggungjawabnya.

"Pembayaran zakat secara bergerak ini memudahkan kami yang sedang bertugas untuk menjelaskan membayar zakat fitrah dengan tidak perlu mengambil cuti dan masa yang lama untuk ke tempat-tempat pembayaran yang disediakan," ujar Mohd Firdaus Minamin, 22.

Habis.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my
18 OGOS 2011/18 RAMADAN 1432H